(c) by facsimile transmission at the address or facsimile transmission number, in the case of the Applicant at the address or facsimile transmission number set out in the Application or the last known address or facsimile transmission number of the Applicant and, in the case of the Bank at the address and facsimile transmission number stated in the Application Form or such other address or facsimile transmission number as notified to the Applicant pursuant to Clause 5.14.1.

5.14.1 All such notices, demands, statements or other communication shall, in the case of the Bank, shall be deemed to have been received by the Bank at the time of actual receipt by the Bank and in the case of the Applicant, shall be deemed to have been received by the Applicant as follows, whether or not it is in fact so received:
(a) by hand, at the date of despatch;
(b) by ordinary post, certificate of posting, registered post or other fast postal service, three (3) days after posting;
(c) by facsimile transmission, at the time of transmission.

5.14.2 Without prejudice to any other forms of service allowed in law, the service of any writ, summons, statement of claim or any legal process in respect of or arising out of the Facility may be effected on the Customer by forwarding a copy of the writ, summons, statement of claim or other legal process by prepaid registered post (or such other mode as stipulated by law) to your address stated in Application Form or to the last known address of the customer notwithstanding that it may be returned undelivered by the post office. Where served by post, such writ, summons, statement of claim or such other legal process shall be deemed to have been served on you three (3) days after the date of posting.

5.14.3 In proving the giving of such notices, demands, statements or other communication it shall be sufficient to show:
(a) in the case of delivery by hand, acknowledgement of receipt by the addressee; or
(b) in the case of delivery by ordinary post, registered post or other fast postal service, that the notices, demands, statements or other communication has been duly addressed and posted; or
(c) in the case of delivery by certificate of posting, the acknowledgement issued by or of the post office that the notices, demands, statements or other communication has been duly posted; or
(d) in the case of delivery by facsimile transmission, the notices, demands, statements or other communication was duly transmitted from the despatching terminal as evidenced by a transmission report generated by the despatching terminal.

5.14.4 All such notices, demands, statements or other communication shall be in the English language or in Bahasa Malaysia.

5.15 The terms and conditions herein may be varied by the Bank without prior consent or prior notification to the Applicant.

5.16 If the Applicant is an existing RHB credit card member the credit card limit for that credit card and the principal sum of the Facility will share a combined card limit or such other limit as determined by the Bank at its absolute discretion.

5.17 In the event of any discrepancies, inconsistencies or uncertainties between the English version and the Bahasa version of the terms and conditions herein, the English version shall prevail.

RHB PEMBIAYAAN PERIBADI (SUSUNAN KADAR FAEDAH) TERMA & SYARAT

Tertakluk kepada penerimaan Bank terhadap permohonan Pemohon, Pemohon dengan ini bersetuju bahawa terma-terma dan syarat-syarat dalam Jadual I ini ("Terma-terma dan Syarat-syarat") hendaklah terpakai kepada Kemudahan dan Pemohon bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat tersebut.

1. Takrif dan tafsiran

1.1 Perkataan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini hendaklah mempunyai erti yang berikut:
"Pemohon" ertinya orang yang menandatangani Borang Permohonan; **"Surat Kelulusan"** ertinya surat kelulusan Bank yang dialamatkan kepada Pemohon berkenaan dengan permohonan untuk Kemudahan oleh Pemohon; **"Bank"** ertinya RHB Bank Berhad (No. Syarikat 6171-M), institusi kewangan berlesen yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai tempat perniagaan di Tingkat 10, No. 75, Jalan Tun H.S. Lee, 50050 Kuala Lumpur; **"Tarikh Matang"** ertinya tarikh yang dinyatakan dalam Penyata Bulanan bagi pembayaran Bayaran Minima dan jumlah lain yang kena dibayar atau perlu dibayar oleh Pemohon kepada Bank dan, jika terpakai, termasuk pembayaran tunggakan dalam Bayaran Mininum dan/atau apa-apa jumlah tunggakan lain oleh Pemohon; **"Yuran Keluar Awal"** ertinya Satu Ratus Ringgit Malaysia (RM100.00) atau satu peratus (1%) daripada amaun pokok Kemudahan (sebagaimana yang diluluskan oleh Bank dalam Surat Kelulusan), yang mana lebih lebih tinggi; **"Keadaan Keingkaran"** ertinya apa-apa keadaan yang dinyatakan dalam Fasal 4.1; **"Kemudahan"** ertinya jumlah pokok kemudahan yang diluluskan oleh Bank dalam Surat Kelulusannya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dan jika konteks menghendaki, amaun Kemudahan yang masih belum dijelaskan; **"Keberhutangan"** ertinya Kemudahan, faedah di atasnya, caj pembayaran lewat dan apa-apa jumlah atau jumlah lain yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh Pemohon kepada Bank menurut terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini;**"Bayaran Minima"** ertinya amaun yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan sebagai "Pembayaran Tetap" dan pembayaran yang perlu dibayar secara bulanan pada Tarikh Matang yang dinyatakan dalam Penyata Bulanan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dan "Bayaran Minima" hendaklah ditafsirkan sewajarnya; **"Penyata Bulanan"** berkenaan dengan setiap Bayaran Minima dan Keberhutangan, ertinya penyata bulanan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemohon yang menyatakan Tarikh Matang bagi Bayaran Minima itu dan apa-apa jumlah lain yang kena dibayar atau perlu dibayar kepada Bank dan jika terpakai, bagi Bayaran Minima dan/atau apa-apa jumlah lain yang tertunggak **"Tempoh Pembayaran Semula"** ertinya tempoh pembayaran semula Kemudahan dan faedah di atasnya sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan atau jika terpakai, apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dipersetujui secara bersama antara Bank dan Pemohon; **"RM"** atau **"Ringgit Malaysia"** ertinya Ringgit Malaysia, mata wang sah Malaysia; **"Hari bekerja"** ertinya suatu hari (selain Sabtu, Ahad atau cuti umum) yang mana Bank dibuka bagi perniagaan.

1.2 Kecuali jika konteks menghendaki selainnya atau ditakrifkan secara berasingan:
(a) perkataan yang menunjukkan genus maskulin hendaklah termasuk genus feminin dan neutral;
(b) perkataan mufrad termasuk perkataan jamak dan begitu juga sebaliknya;
(c) terma "tahun" ertinya suatu tempoh 360 hari.

2. Kemudahan

2.1 Kemudahan dan faedah di atasnya hendaklah dibayar semula oleh Pemohon melalui cara Bayaran Minima dalam Tempoh Pembayaran Semula mengikut terma-terma di dalam ini.

2.2 Kadar faedah berasaskan Peringkat. Terdapat empat (4) Peringkat. Kadar faedah adalah serendah 6.49% setahun. Kadar faedah sebenar yang dikenakan akan dikira atas dasar Baki Berkurangan bulanan. Kadar yang dinyatakan bersama ini adalah berasaskan pengiraan kadar rata. Kadar faedah sebenar yang dikenakan berasaskan penilaian kredit pelanggan. Kadar pembiayaan mungkin lebih tinggi jika jumlah bayaran bulanan tidak tetap. RHB Bank Berhad berhak untuk meminda, mengubah dan / atau membatalkan pakej-pakej kadar faedah Pembiayaan Peribadi ini dari masa ke semasa. Faedah perlu dibayar atas amaun tertunggak harian Kemudahan, dikira bulanan (kedua-duanya sebelum dan selepas penghakiman dan walaupun penamatan hubungan di antara pihak bank dan pelanggan). Kadar faedah akhir mungkin berbeza daripada kadar faedah yang ditawarkan semasa permohonan. Jika berbeza, pihak Bank akan memberi notis terlebih dahulu kepada Pemohon dan hanya dengan penerimaan kadar faedah akhir oleh Pemohon barulah faedah yang berbeza ini diguna pakai untuk Kemudahan. Walau apa pun jua, Bank adalah bebas untuk mengubah kadar faedah tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada Pemohon dan tanpa memaklumkan Pemohon sebab-sebab bagi pengubahan itu dan faedah yang diubah hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pengubahan tersebut. Kegagalan Bank untuk memberitahu Pemohon mengenai apa-apa pengubahan dalam kadar faedah tidaklah menjejaskan hak Bank untuk menuntut apa-apa faedah yang diubah itu. Apa-apa faedah yang masih belum dibayar pada Tarikh Matang hendaklah dimodalkan dan ditambah bagi semua maksud kepada jumlah pokok dan jumlah pokok dan faedah yang dimodalkan itu hendaklah selepas itu menghasilkan faedah untuk dikira dari hari yang sepatutnya ia dibayar. Tanpa menjejaskan hak Bank di dalam ini, dalam keadaan tersebut Bayaran Minima hendaklah diselaraskan oleh Bank sewajarnya.

2.3 Setiap Bayaran Minima hendaklah dibuat pada atau sebelum Tarikh Matang. Bayaran Minima pertama hendaklah dibuat pada atau sebelum Tarikh Matang yang dinyatakan dalam Penyata Bulanan pertama yang dihantar kepada Pemohon selepas pengeluaran Surat Kelulusan.

2.4 Tanpa menjejaskan hak dan remedi Bank untuk memanggil suatu Keadaan Keingkaran, apa-apa Bayaran Minima yang tidak dibayar pada Tarikh Matangnya hendaklah dibawa ke hadapan ke Tarikh Matang sebagaimana yang dinyatakan dalam Penyata Bulanan bagi bulan yang berikutnya dengan syarat bahawa Pemohon hendaklah membayar caj pembayaran lewat atas Bayaran Minima yang tertunggak pada kadar satu peratus (1%) daripada Bayaran Minima yang kena dibayar (sebagaimana yang dinyatakan dalam Penyata Bulanan) sehingga tunggakan tersebut dibayar sepenuhnya. Bagi mengelakkan keraguan, berkenaan dengan mana-mana bulan tertentu, tanpa menjejaskan hak dan remedi Bank, Pemohon hendaklah membayar kepada Bank Bayaran Minima bagi bulan tertentu itu dan jika terpakai, tunggakan apa-apa Bayaran Minima bersama-sama faedah di atasnya.

2.5 Setiap Penyata Bulanan yang dikeluarkan oleh Bank berkenaan dengan Keberhutangan kepada Pemohon hendaklah disifatkan diterima oleh Pemohon tiga (3) hari selepas ia diposkan oleh Bank kepada Pemohon.

2.6 Setiap Penyata Bulanan atau perakuan lain yang dikeluarkan oleh Bank hendaklah disifatkan sebagai konklusif dan mengikat Pemohon berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya kecuali bagi kesilapan yang nyata.

2.7 Apa-apa amaun Kemudahan yang telah dibayar semula tidak boleh dipinjamkan semula.

2.8 Apa-apa pembayaran dahulu tersebut hendaklah diambil untuk mengurangkan Keberhutangan. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembayaran dahulu Keberhutangan yang tidak sepenuhnya tidak boleh dianggap atau disifatkan sebagai pembayaran pendahuluan apa-apa Bayaran Minima atau Bayaran Minima yang belum lagi kena dibayar dan Bayaran Minima tersebut mestilah dibayar sebaik sahaja dan apabila kena dibayar.

2.8.1 Tertakluk kepada pembayaran Yuran Keluar Awal, Pemohon adalah bebas pada bila-bila masa untuk:
(a) membayar dahulu sepenuhnya Keberhutangan;
(b) membayar dahulu sebahagian Keberhutangan dengan syarat bahawa amaun bayar dahulu tersebut hendaklah menyebabkan Tempoh Pembayaran Semula dikurangkan lebih daripada enam (6) bulan.
Yuran Keluar Awal juga perlu dibayar apabila amaun yang belum dijelaskan dibayar sepenuhnya kurang dari enam (6) bulan. Pembayaran sepenuhnya dibenarkan selepas luputnya jangka masa 6 bulan yang dinyatakan dan tertakluk kepada pelanggan memberi 1 bulan notis bertulis kepada bank.

2.8.2 Jika Yuran Keluar Awal perlu dibayar, Yuran Keluar Awal hendaklah dinyatakan dalam Penyata Bulanan sebaik sahaja pembayaran dahulu Keberhutangan yang berikutnya dan Pemohon hendaklah membayar Yuran Keluar Awal sebagaimana yang dinyatakan dalam Penyata Bulanan itu dan sehingga ia dibayar, Yuran Keluar Awal hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Bank dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Keberhutangan.

2.9 Semua pembayaran oleh Pemohon kepada Bank hendaklah dianggap bagi semua maksud sebagai pembayaran kasar.

3. Proses Permohonan dan Pembayaran Kemudahan

3.1 Tertakluk kepada penerimaan dokumen yang lengkap berkenaan dengan Permohonan oleh Bank dan Permohonan itu adalah lengkap dan memuaskan hati Bank, Bank memerlukan tiga (3) hari bekerja untuk memproses Permohonan itu. Apabila Kemudahan diluluskan, Bank akan memberitahu Pemohon secara bertulis ("Surat Kelulusan").

3.2 Jika Bank dalam budi bicaranya yang mutlak meluluskan suatu amaun pokok Kemudahan yang lebih rendah daripada yang dipohon oleh Pemohon, Pemohon hendaklah disifatkan menerima Kemudahan yang dikurangkan tersebut dan dalam keadaan tersebut, "Kemudahan" hendaklah bermaksud Kemudahan yang dikurangkan tersebut.

3.3 Penerimaan Permohonan dan pengeluaran Surat Kelulusan oleh Bank, hendaklah disifatkan suatu perjanjian oleh Pemohon untuk meminjam dan Bank untuk mengadakan Kemudahan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini. Borang Permohonan, Surat Kelulusan dan, jika terpakai, apa-apa surat atau instrumen lain yang mengubah atau meminda Surat Kelulusan adalah secara kolektifnya disebut sebagai "Instrumen Kemudahan".

3.4 Jika Bank menolak Permohonan, Bank tidak bertanggungan atau bertanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab bagi penolakan itu kepada Pemohon.

3.5 Pemohon berjanji dan/atau mengatakan bahawa dalam Permohonan dan sehingga semua Keberhutangan dibayar semula sepenuhnya:
(a) bahawa semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan olehnya kepada Bank dalam Permohonan adalah benar dan betul;
(b) dia tidak boleh mempertikaikan isi kandungan dalam Permohonan dan jika Permohonan dihantar melalui transmisi faksimile kepada Bank, Bank adalah bebas untuk menganggap Permohonan itu sebagai Permohonan tulen yang ditandatangani;
(c) dia hendaklah mengemukakan semua maklumat dan dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh Bank dari semasa ke semasa;
(d) dia hendaklah memastikan bahawa nombor akaun bank atau nombor akaun lain yang dinyatakan dalam Borang Permohonan adalah betul;
(e) dia adalah pemunya manfaat tunggal atas semua nombor akaun bank atau nombor akaun lain yang dinyatakan dalam Borang Permohonan dan apa-apa nombor akaun bank lain yang dia boleh memaklumkan kepada Bank dari semasa ke semasa;
(f) arahannya kepada Bank untuk membayar Kemudahan ke dalam akaun bank yang dinyatakan dalam Borang Permohonan adalah sah dan mengikat Pemohon dengan syarat bahawa jika Pemohon tidak mempunyai suatu akaun yang sedia ada dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain, dia hendaklah dengan segera sebelum pengemukaan Permohonan ini, membuka suatu akaun semasa/simpanan dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atas nama tunggalnya bagi maksud tersebut; dan
(g) bahawa pemberian Kemudahan oleh Bank tidak melanggar Seksyen 62 Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan/atau apa-apa pindaan kepadanya atau penggubalan semulanya.

3.6 Apabila Kemudahan telah diluluskan, Bank hendaklah menetapkan enam belas (16) digit nombor akaun bagi Kemudahan itu dan nombor tersebut hendaklah dinyatakan dalam Surat Kelulusan. Pemohon tidak dibenarkan untuk membatalkan Kemudahan selepas pengeluaran Kelulusan.

3.7 Dalam tempoh empat (4) hari kerja mulai hari pembayaran yang tercatat dalam Surat Kelulusan dan tertakluk kepada tiadanya Keadaan Keingkaran, Bank akan membayar Kemudahan dengan mengkreditkan amaun yang sama dalam akaun semasa/simpanan yang ditentukan oleh Pemohon untuk tujuan tersebut.

4. Keadaan Keingkaran

4.1 Bank adalah bebas untuk menamatkan Kemudahan melalui notis bertulis kepada Pemohon apabila berlakunya mana-mana Keadaan Keingkaran yang berikut:
(a) Pemohon ingkar dalam membuat pembayaran jumlah pokok dan/atau faedah dan/atau apa-apa jumlah lain yang kena dibayar di bawah ini (sama ada dituntut secara rasmi atau tidak); atau
(b) Pemohon mengingkari mana-mana terma atau syarat di dalam ini; atau
(c) Pemohon tidak mampu untuk membayar hutangnya atau menangguhkan pembayarannya atau membuat setuju selesai atau perkiraan dengan pemiutangnya atau melakukan suatu perbuatan kebankrapan atau mempunyai suatu petisyen kebankrapan yang difailkan terhadapnya; atau
(d) Pemohon mati atau menjadi hilang akal; atau
(e) mana-mana keberhutangan lain Pemohon kepada Bank atau mana-mana institusi kewangan lain menjadi boleh diisytiharkan kena dibayar pramatang oleh sebab kegagalan Pemohon untuk membuat apa-apa pembayaran pada Tarikh Matang atau jika kena dibayar atas tuntutan, apabila dituntut termasuk kegagalan Pemohon untuk membayar apa-apa hutang kredit kad yang ditanggung dalam tempoh yang dikehendaki itu; atau
(f) apa-apa pembayaran melalui akaun semasa Pemohon, sama ada dengan Bank atau institusi kewangan yang lain dibuat dan akaun itu ditutup oleh Bank atau institusi kewangan yang berkaitan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut kehendak Biro Maklumat Cek; atau
(g) prosiding distres atau pelaksanaan dijalankan terhadap harta Pemohon maka, seluruh Keberhutangan hendaklah menjadi kena dibayar dan perlu dibayar dengan segera oleh Pemohon kepada Bank.

4.2 Pemohon hendaklah menanggung rugi Bank dan membuat Bank ditanggung rugi sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan, yuran, caj (termasuk tanpa had kos peguam cara Bank (pada asas peguam cara dan klien)) yang Bank mungkin alami atau tanggung, dalam melaksanakan atau mencuba untuk melaksanakan haknya di bawah ini.

5. Pelbagai

5.1.1 Bank adalah bebas pada bila-bila masa tanpa notis selepas berlakunya Keadaan Keingkaran untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Pemohon dan/atau semua atau mana-mana akaun bersama Pemohon dengan orang lain dengan mana-mana cawangan Bank dan menolak atau memindahkan apa-apa jumlah yang ada dalam kredit dalam mana-mana satu atau lebih akaun tersebut, dalam atau untuk menunaikan Keberhutangan atau mana-mana bahagiannya.

5.1.2 Bank adalah bebas untuk mengubah apa-apa terma atau syarat di dalamnya melalui notis secara bertulis kepada Pemohon dan pengubahan itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis Bank.

5.2.1 Bank adalah bebas untuk meletakkan apa-apa wang yang diterima daripada Pemohon ke dalam suatu akaun tergantung selama Bank fikirkan patut tanpa apa-apa kewajipan pada masa itu untuk memohon wang itu atau mana-mana bahagiannya dalam atau untuk pembayaran Keberhutangan atau mana-mana bahagiannya. Walau apa pun pembayaran itu, sekiranya berlaku kebankrapan Pemohon, Bank boleh membuktikan untuk dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau setuju selesai berkenaan dengan keseluruhan atau sebahagian Keberhutangan.

5.2.2 Pemohon mengetepikan kesan Seksyen 60 Akta Kontrak 1950 dan menjadikan dirinya tidak berupaya daripada penguntukan pembayaran tersebut apabila membuat pembayaran kepada Bank untuk Keberhutangan atau apa-apa kemudahan lain yang diberikan oleh Bank.

5.3 Masa di mana-mana disebutkan adalah menjadi asas.

5.4.1 Pemohon adalah tidak bebas untuk menyerah hak apa-apa hak dan/atau kewajipan di dalam ini.

5.4.2 Bank adalah bebas untuk menyerah hak-haknya dan/atau kewajipannya di dalam ini tanpa persetujuan Pemohon terlebih dahulu. Hak dan kewajipan Bank di bawah ini hendaklah terus menjadi sah dan mengikat bagi semua maksud apa pun walaupun apa-apa perubahan melalui penyatuan, pembentukan semula atau selainnya yang boleh dilakukan kepada penubuhan Bank atau mana-mana syarikat yang mana perniagaan Bank mungkin pada waktu itu dijalankan dan hak dan kewajipan tersebut hendaklah menjadi tersedia kepada syarikat yang menjalankan perniagaan itu pada waktu itu.

5.5 Pemohon bersetuju bahawa Bank adalah bebas untuk mendedahkan semua maklumat yang berhubungan dengan Pemohon, Kemudahan, Keberhutangan, akaun atau selainnya kepada mana-mana anggota kumpulan syarikat RHB, mana-mana penyedia perkhidmatan Bank atau kumpulan syarikat RHB, mana-mana penerima hak-hak dan kewajipan Bank yang berpotensi, mana-mana biro atau agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (termasuk Sistem Rujukan Maklumat Kredit Pusat), Persatuan Bank Malaysia, kepada mana-mana penjamin dan/atau penyedia keselamatan atau kepada mana-mana ejen pemegang simpanan yang diberi kuasa.

5.6 Walaupun apa-apa yang bertentangan dengan yang terkandung di dalam ini, Bank adalah bebas pada bila-bila masa untuk tidak meneruskan produk "Pembiayaan Peribadi" tanpa memberikan apa-apa sebab kepada Pemohon, dan dalam keadaan tersebut, Bank adalah bebas untuk menamatkan atau membatalkan Kemudahan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pemohon maka, Kemudahan ini hendaklah tamat tanpa menjejaskan hak dan remedi Bank setakat Keberhutangan sahaja dan kecuali sebagaimana yang selainnya dipersetujui antara Bank dan Pemohon, Keberhutangan hendaklah kena dibayar dan perlu dibayar kepada Bank.

5.7 Semua yuran, kos dan perbelanjaan berkenaan dengan Permohonan, Instrumen Kemudahan dan penguatkuasaan hak dan remedi Bank (temasuk kos peguam cara atas suatu asas peguam cara dan klien) hendaklah ditanggung oleh Pemohon.

5.8 Terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini hendaklah mengikat wakil diri Pemohon dan pengganti dalam hak milik dan pemegang serah hak Bank.

5.9 Jika pada bila-bila masa apa-apa terma dan syarat di dalam ini adalah atau boleh menjadi di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau didapati oleh mana-mana mahkamah atau badan pentadbiran atau bidang kuasa berwibawa sebagai menyalahi undang-undang, terbatal, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan, maka, peruntukan tersebut hendaklah menjadi tidak efektif setakat penyalahan undang-undang, keterbatalan, ketaksahan, larangan atau ketidakbolehkuatkuasaan tersebut tetapi terma-terma dan syarat-syarat yang tinggal di dalam ini hendaklah tetap berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

5.10 Kegagalan atau kelewatan Bank untuk melaksanakan atau menguatkuasakan apa-apa hak di bawah ini tidak boleh disifatkan sebagai suatu penepian hak itu atau berfungsi untuk menghalang pelaksanaan atau penunaian hak itu pada bila-bila masa.

5.11 Kemudahan hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

5.12 Jika diperlukan, Pemohon hendaklah memberikan apa-apa sekuriti, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank untuk menjamin Keberhutangan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diterima, kepada Bank.

5.13 Bank tidak bertanggungan bagi apa-apa kegagalan untuk melaksanakan kewajipannya di bawah ini sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bencana alam, mogok, rusuhan, kekecohan awam, perbuatan pengganas, kekacauan buruh, sekat masuk kerja, kebakaran, kemalangan, kerosakan sistem mesin atau komputer atau perkara-perkara lain yang melampaui kawalan Bank.

5.14 Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di dalam ini, apa-apa notis, tuntutan, penyataan atau komunikasi lain yang hendak diberikan oleh Pemohon kepada Bank atau oleh Bank kepada Pemohon hendaklah secara bertulis dan boleh diberikan atau dihantar melalui:
(a) melalui tangan;
(b) melalui pos biasa, perakuan pos, pos berdaftar atau perkhidmatan pos laju lain; atau
(c) melalui transmisi faksimile di alamat atau nombor transmisi faksimile, dalam keadaan Pemohon di alamat atau nombor transmisi faksimile yang dinyatakan dalam Permohonan atau alamat atau nombor transmisi faksimile Pemohon terakhir yang diketahui dan, dalam keadaan Bank di alamat dan nombor transmisi faksimile yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau apa-apa alamat atau nombor transmisi faksimile lain sebagaimana yang diberitahu kepada Pemohon menurut Fasal 5.14.1.

5.14.1 Semua notis, tuntutan, penyataan atau komunikasi lain hendaklah, dalam keadaan Bank, hendaklah disifatkan telah diterima oleh Bank pada masa penerimaan sebenar oleh Bank dan dalam keadaan Pemohon, hendaklah disifatkan telah diterima oleh Pemohon seperti yang berikut, sama ada atau tidak ia sebenarnya diterima:
(a) melalui tangan, pada tarikh penghantaran;
(b) melalui pos biasa, perakuan pos, pos berdaftar atau perkhidmatan pos laju lain, tiga (3) hari selepas dipos;
(c) melalui transmisi faksimile, pada masa transmisi.

5.14.2 Tanpa menjejaskan sebarang bentuk penyerahan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang, penyerahan writ, saman, penyataan tuntutan atau sebarang proses guaman yang berkaitan dengan atau timbul daripada Kemudahan boleh dikuatkuasakan pada Pelanggan dengan menghantar satu salinan writ, saman, penyataan tuntutan atau sebarang proses guaman melalui pos berdaftar prabayar (atau sebarang mod yang ditetapkan oleh undang-undang) ke alamat anda yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau ke alamat terakhir yang diketahui meskipun ia mungkin gagal diserah dan dikembalikan oleh pejabat pos. Apabila dihantar melalui pos, writ, saman, penyataan tuntutan atau sebarang proses guaman yang berkaitan dianggap telah diserahkan kepada anda tiga (3) hari selepas tarikh pengiriman.

5.14.3 Untuk mengesahkan notis, tuntutan, penyataan dan bentuk komunikasi lain telah diserah, adalah memadai untuk menunjukkan:
(a) dalam kes penyerahan tangan, pengesahan terima oleh penerima; atau
(b) dalam kes penyerahan melalui pos biasa, pos berdaftar atau lain-lain khidmat pos laju, bahawa notis, tuntutan, penyataan atau komunikasi lain telah beralamat wajar dan telah dikirimkan; atau
(c) dalam kes penyerahan melalui sijil pengiriman, pengesahan yang dikeluarkan oleh pejabat pos, bahawa notis, tuntutan, penyataan atau komunikasi lain telah dikirimkan; atau
(d) dalam kes penyerahan melalui faksimile, bahawa notis, tuntutan, penyataan atau komunikasi lain telah dihantar daripada terminal penghantaran seperti yang tercatat pada laporan transmisi yang diterbitkan oleh terminal penghantaran.

5.14.4 Semua notis, tuntutan, penyataan atau komunikasi lain tersebut hendaklah dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

5.15 Terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini boleh diubah oleh Bank tanpa persetujuan atau pemberitahuan terlebih dahulu kepada Pemohon.

5.16 Jika Pemohon ialah seorang pemegang kad kredit RHB, had kad kredit bagi kad kredit itu dan jumlah pokok Kemudahan akan berkongsi suatu gabungan had kad atau apa-apa had lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank pada budi bicara mutlaknya.

5.17 Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, ketidakselarasan atau ketidakpastian antara versi Inggeris dan Bahasa mengenai terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini, versi Inggeris hendaklah diguna pakai.